

# MULTI TIER LEVI: MEKANISMA BAHARU PENGAWALAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING DI MALAYSIA

Disediakan oleh:

Puan Zuraini bt Abu Kassim

Cik Yasmin bt Ramli

Cik Ratana bt Sarimin

## PENGENALAN

Rancangan Malaysia Ke-11 di bawah Kertas Strategi 8, Pasaran Buruh Untuk Negara Maju telah menyarankan supaya sistem levi sedia ada ditambah baik bagi mengawal selia kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah. Sehubungan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada tahun 2017 memutuskan supaya Kementerian Sumber Manusia menyusul cadangan bagi menetapkan kadar bayaran levi secara progresif berdasarkan sektor dan jumlah keperluan pekerja asing. Seterusnya pada tahun yang sama, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing Dan Pendatang Tanpa Izin (JKKPA-PATI) telah bersetuju supaya pelaksanaan dan kadar levi ini dikaji semula berdasarkan Model Levi Progresif.

## EVOLUSI LEVI PEKERJA ASING DI MALAYSIA

Levi Pekerja Asing mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1992 dan pembayaran levi pada ketika itu ditanggung oleh pekerja asing. Pada tahun 2009, pembayaran levi telah dipertanggungjawabkan kepada majikan bagi menggalakkan penstrukturan ekonomi yang menasarkankan peningkatan penggajian pekerja tempatan. Walau bagaimanapun selaras dengan penguatkuasaan Akta Gaji Minima pada 1 Julai 2012, keputusan tersebut telah diubah sekali lagi di mana pembayaran dipertanggungjawabkan kepada pekerja asing.

Secara umumnya kadar levi juga telah disemak semula dan diubah beberapa kali dan kali terakhir adalah pada 18 Mac 2016. Pada tahun 2016, Jawatankuasa Kabinet telah menetapkan kadar levi baharu seperti berikut :

Bil	Sektor	Kadar Levi Lama	Kadar Levi Baru (18 Mac 2016)
1	Perkhidmatan	RM1,850.00	<b>RM1,850.00</b>
2	Perkilangan	RM1,250.00	
3	Pembinaan	RM1,250.00	
4	Perladangan	RM590.00	<b>RM640.00</b>
5	Pertanian	RM410.00	

Walaupun bagaimanapun, keputusan ini telah ditangguhkan dan hanya dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018 dan pembayaran levi ini dipertanggungjawab kepada majikan.

## PENANDAARASAN DENGAN NEGARA LUAR

Sewaktu membangunkan model Multi-Tier Levi, Malaysia menandaaras beberapa buah negara seperti Singapura, Korea Selatan, Hong Kong, Thailand, Taiwan, dan Australia. Singapura turut mengamalkan levi dua peringkat (*two-tier levy*) semenjak 1992 iaitu levi berdasarkan kemahiran pekerja. Berdasarkan pengalaman Singapura, kawalan kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah haruslah telus dan fleksibel supaya dapat memenuhi keperluan industri dan perubahan ekonomi. Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang berproduktiviti tinggi, kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah bagi tujuan meminimakan kos perlu ditangani.

Oleh itu, Malaysia melihat sistem kouta dengan kadar nisbah kebergantungan (DRC) yang diguna pakai oleh Singapura boleh dijadikan asas dalam membangunkan model Multi-Tier Levi.

## OBJEKTIF MODEL MULTI-TIER LEVI

Model Multi-tier Levi yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengurusan pekerja asing yang lebih baik bagi mengawal kebergantungan terhadap pekerja asing dan mengawal selia jumlah pekerja asing yang bekerja di Malaysia.

### Prinsip Multi-Tier Levi

Prinsip yang diamalkan dalam pelaksanaan Multi-Tier Levi adalah seperti berikut:

- i. meningkatkan penyertaan pekerja tempatan dalam pelbagai jawatan dalam sektor yang berkaitan;
- ii. kadar levi yang berbeza bergantung kepada kadar kebergantungan penggajian pekerja asing;
- iii. lebih banyak pekerja asing digajikan lebih tinggi kadar levi yang perlu dibayar;
- iv. levi adalah dibayar oleh majikan;
- v. penggunaan sistem *online* bagi permohonan penggajian pekerja asing; dan
- vi. asas penentuan levi adalah berdasarkan peratus caruman wajib bulanan oleh majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Skim Perlindungan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) sekiranya mengajikan pekerja tempatan.

## KADAR MULTI-TIER LEVI MENGIKUT SEKTOR

Cadangan Model Multi-tier Levi ini dibuat berdasarkan sektor ekonomi dan kuota pekerja. Kuota pekerja ditentukan menggunakan formula seperti berikut:

$$\text{KUOTA} = \text{JUMLAH PEKERJA ASING}^* / \text{JUMLAH KESELURUHAN PEKERJA}^*$$

*\*Pekerja asing merujuk kepada pekerja asing PLKS*

*\*Jumlah keseluruhan pekerja adalah jumlah pekerja tempatan dalam semua kategori pekerjaan dan jumlah pekerja asing PLKS*

Kadar levi semasa bagi semua sektor dijadikan asas pengiraan kadar levi yang baharu. Manakala untuk menentukan kadar levi, formula berikut digunakan :

$$\text{Kadar levi bulanan} = \text{Gaji Penengah Bulanan Bagi Pekerja Asing} \times \text{Caruman wajib bulanan oleh majikan}$$

Jawatankuasa Kabinet telah bersetuju supaya mekanisma Multi-Tier Levi ini dilaksanakan mulai Januari 2021 dengan kadar seperti berikut:

SEKTOR	NISBAH KEBERGANTUNGAN	KADAR LEVI (RM)
Pertanian dan Perladangan	Tier 1 : $\leq 45\%$	640
	Tier 2: $>45\% - \leq 65\%$	685
	Tier 3: $>65\% - \leq 82\%$	780

SEKTOR	NISBAH KEBERGANTUNGAN	KADAR LEVI (RM)
Pembuatan	Tier 1 : $\leq 35\%$	1,850
	Tier 2: $>35\% - \leq 60\%$	2,100
	Tier 3: $>60\% - \leq 75\%$	2,400

SEKTOR	NISBAH KEBERGANTUNGAN	KADAR LEVI (RM)
Perlombongan dan Kuari	Tier 1 : $\leq 20\%$	1,850
	Tier 2: $>20\% - \leq 35\%$	2,200
	Tier 3: $>35\% - \leq 50\%$	2,550

SEKTOR	NISBAH KEBERGANTUNGAN	KADAR LEVI (RM)
Perkhidmatan	Tier 1 : $\leq 25\%$	1,850
	Tier 2: $>25\% - \leq 40\%$	2,200
	Tier 3: $>40\% - \leq 50\%$	2,550

SEKTOR	NISBAH KEBERGANTUNGAN	KADAR LEVI	
		Skill FW*	Unskilled FW*
Pembinaan	Tier 1 : $\leq 25\%$	1,850	2,000
	Tier 2: $>25\% - \leq 40\%$	2,050	2,200
	Tier 3: $>40\% - \leq 50\%$	2,300	2,500

\*FW = Foreign worker

## KESIMPULAN

Sistem Multi-Tier Levi diwujudkan bagi menambahbaik pengurusan pekerja asing di Malaysia dengan mensasarkan peningkatan produktiviti di semua sektor serta meningkatkan daya saing syarikat. Untuk Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah perlu dikawal. Mekanisma Multi-Tier Levi juga mempunyai elemen penguatkuasaan melalui penggunaan *real-time data* bagi tujuan menganalisa data berkaitan penggajian pekerja asing dan pekerja tempatan.

**PENAFIAN:** Artikel dalam ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan Kajian *Developing Multi-tier Levy Malaysia Case Study*, pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan.

Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan artikel ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.